

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Wednesday, 19 July, 2017 3:09 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PACIS 2017 MEMARTABATKAN UUM DI PERSADA ANTARABANGSA



**Pusat Pengajian
Pengkomputeran
School Of Computing**
Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

19 Julai 2017/ 25 Syawwal 1438H

**UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

PACIS 2017 MEMARTABATKAN UUM DI PERSADA ANTARABANGSA



Langkawi - Universiti Utara Malaysia (UUM) melakar sejarah di persada antarabangsa apabila diberi penghormatan sebagai tuan rumah untuk penganjuran Pacific Asia Conference on Information System 2017 (PACIS 2017). Persidangan kali ini bertemakan *Societal Transformation through IS/IT* telah diadakan di The Meritus Pelangi Beach Resort and Spa, Langkawi, Kedah bermula 16 hingga 20 Julai 2017.

Bersama dengan beberapa universiti awam yang lain termasuk Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi PETRONAS, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka di bawah naungan Malaysian Chapter of Association of Information System (MyAIS), PACIS 2017 telah menerima 369 pembentangan kertas kerja dari pelbagai negara seperti Taiwan, China, Korea Selatan, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AS).

PACIS merupakan antara persidangan antarabangsa yang berprestij tinggi yang menjadi platform utama kepada para akademik dan penyelidik dalam bidang Sistem Maklumat, iaitu salah satu cabang utama di bawah disiplin pengkomputeran.

Penganjuran PACIS dibuat di setiap negara di bawah Region 3 Association of Information System berdasarkan pembidaan dan persetujuan AIS.

Malaysia telah dipilih sebagai negara untuk penganjuran PACIS 2017 dengan UUM dipilih sebagai tuan rumah pada pembidaan yang dibuat pada tahun 2014. Kali terakhir Malaysia menganjurkan PACIS ialah pada tahun 2006 di Universiti Putra Malaysia.

Perasmian PACIS 2017 telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato Seri Dr. Halim Shafie, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Majlis perasmian pada 18 Julai 2017 itu turut mengutarakan dua ucapan utama iaitu oleh YBhg Dato Seri Dr. Halim Shafie yang bertajuk *Digital Transformation from Malaysian Perspective* dan Prof. Alok Gupta, Profesor dari University of Minnesota, AS, yang juga Editor in-Chief Journal Q1 Information System Research yang bertajuk *Publishing Societal Impact Research in IS/IT in Top Journals*.

Turut diadakan mesyuarat AIS Region 3 Board Meeting yang dianggotai oleh presiden dan wakil setiap chapter dari pelbagai negara termasuk Malaysia, Taiwan, China, Korea Selatan dan Singapura.

Sekian, terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN

School of Computing | College of Arts And Sciences
Universiti Utara Malaysia | 06010 Sintok | Kedah Darul Aman

Tel: +604-928 5058 / +604-928 5055 / +604-928 5051 | Faks: +604-928 5067

website: soc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.